



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### **LEBIH BANYAK PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DIBUKA BAGI MEMPERCEPATKAN VAKSINASI MELALUI PIKAS**

---

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato 'Seri Mohamed Azmin Ali telah mengadakan satu lawatan tapak ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (**PIKAS**) yang dikelolakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) yang telah memulakan **proses vaksinasi bagi pekerja sektor pembuatan di Selangor hari ini.**

PPV di SCCC ini adalah salah **satu daripada 8 PPV Penggunaan Umum di seluruh negara** yang telah mendapat kebenaran untuk beroperasi selewat-lewatnya pada 5 Julai 2021. Terdapat dua jenis PPV di bawah PIKAS - **PPV Penggunaan Umum dan PPV Di Tapak (On-Site)**. PPV Penggunaan Umum melibatkan pusat konvensyen dan pameran termasuk hotel manakala PPV Di Tapak (*On-Site*) pula adalah PPV di premis kilang.

Lawatan tapak yang diadakan pada hari ini oleh Menteri Kanan, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali adalah untuk meninjau proses vaksinasi di PPV PIKAS SCCC dan untuk memastikan semua persiapan berjalan dengan lancar.

PIKAS adalah program imunisasi kerjasama awam-swasta yang telah dilancarkan sebagai Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang bertujuan untuk membantu mempercepatkan vaksinasi di kalangan rakyat, dengan menyasarkan tenaga kerja dalam sektor-sektor pembuatan kritikal. Program ini diperkenalkan berikutan cadangan daripada persatuan industri, dewan perdagangan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang ingin mempercepatkan vaksinasi bagi pekerja di dalam sektor pembuatan agar pekerja kekal berasa selamat di tempat kerja dan terhindar daripada bahaya COVID-19.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Setakat 27 Jun 2021, seramai 669,846 orang pekerja dari 4,537 syarikat di seluruh negara telah mendaftar di PIKAS. PIKAS mempunyai matlamat untuk mempercepatkan vaksinasi untuk sekurang-kurangnya dua juta orang pekerja di dalam sektor pembuatan menjelang penghujung suku ketiga tahun ini.

Melalui PIKAS, Kerajaan akan memberikan vaksin secara percuma, manakala pihak swasta akan menguruskan pentadbiran PPV termasuk penglibatan perkhidmatan perubatan swasta.

Majikan perlu menanggung sepenuhnya kos pentadbiran bagi vaksinasi pekerja dan tidak dibenarkan untuk memindahkan kos pentadbiran vaksinasi dengan menolak gaji pekerja walaupun pekerja tidak lagi berkhidmat dengan syarikat selepas mendapat dos vaksinasi pertama.

Dalam masa yang sama PIKAS dilaksanakan, Kerajaan tetap komited dalam memastikan vaksinasi bagi golongan yang paling rentan dan yang telah mendaftar di bawah PICK akan kekal menjadi keutamaan.

Syarikat yang berminat untuk menyertai PIKAS boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

## **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)**

**28 JUN 2021**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)